



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan Kementerian ini bertarikh 30 Mei 2023 (Selasa) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>Gangguan Seksual, Majikan Disaran Pasang CCTV HD - Ahmad Zahid</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64398-gangguan-seksual</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2193464</p> <p>https://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1107649/tambah-cctv-kursus-pencegahan-antara-pelan-tindakan-antigangguan</p> <p>https://www.thesundaily.my/local/cctv-improvements-sexual-harassment-prevention-courses-part-of-advocacy-programme-ND11039026</p> <p>https://www.thestartv.com/v/cctvs-at-workplaces-can-be-useful-in-sexual-harassment-cases-says-dpm</p>	<p>Berita RTM</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita Harian</p> <p>The Sun Daily</p> <p>The Star TV</p>

	<p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penambahbaikan-infrastruktur-cctv-kursus-antara-garis-panduan-cegah-gangguan-seksual-421686</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/s/444969</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/tambah-cctv-antara-advokasi-atasi-gangguan-seksual/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=xRGLnb-WzHs</p>	<p>Astro Awani</p> <p>The Malaysian Insight</p> <p>Utusan</p> <p>The Star</p>
2	<p>Ministry Finalising Anti-Sexual Harassment Tribunal, Targets Set Up Before Year End, Says Nancy Shukri</p> <p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/05/29/ministry-finalising-anti-sexual-harassment-tribunal-targets-set-up-before-year-end-says-nancy-shukri/71523</p> <p>https://www.theborneopost.com/2023/05/29/ministry-finalising-anti-sexual-harassment-tribunal-targets-set-up-before-year-end-says-nancy-shukri/</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/29/process-of-setting-up-anti-sexual-harassment-tribunal-ongoing-says-nancy</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/29/kes-gangguan-seksual-meningkat-setiap-tahun-nancy/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/914630/anti-sexual-harassment-guideline-must-be-put-practice-says-zahid</p> <p>https://headtopics.com/my/ministry-finalising-anti-sexual-harassment-tribunal-targets-set-up-before-year-end-says-nancy-shuk-39566467</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=rTk8k5KKRfo</p> <p>https://tvpertiwi.com.my/2023/05/29/kpwkm-dalam-proses-melantik-ahli-tribunal-anti-gangguan-seksual/</p> <p>https://suaramerdeka.com.my/gangguan-seksual-harus-ditangani-dan-dihentikan-menerusi-program-advokasi/</p>	<p>Malay Mail</p> <p>The Borneo Post</p> <p>The Star</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>NST</p> <p>Head Topics</p> <p>TV Pertriwi</p> <p>TV Pertiwi</p> <p>Suara Merdeka</p>

<p>3</p>	<p>Golongan Wanita Digalak Jalani Ujian Mamogram, HPV DNA Percuma</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/golongan-wanita-digalak-jalani-ujian-mamogram-hpv-dna-percuma/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/914607/ministry%20urges-women-go-free-cancer-screenings</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2193407</p> <p>https://selangorkini.my/2023/05/wanita-digalak-jalani-ujian-pengesahan-awal-kanser-secara-percuma-oleh-kerajaan/</p> <p>https://harapandaily.com/wanita-disaran-ambil-peluang-jalani-ujian-kesan-kanser-percuma/</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kpwkm-galakkan-wanita-jalani-ujian-pengesahan-awal-kanser-percuma-oleh-kerajaan-MD11038352</p>	<p>Utusan</p> <p>NST</p> <p>Bernamea</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Harapan Daily</p> <p>The Sun Daily</p>
<p>4</p>	<p>KPWKM Atur Sesi Kaunseling Untuk Keluarga Muhammad Hawari</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kpwkm-atur-sesi-kaunseling-untuk-keluarga-muhammad-hawari/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260817/berita/nasional/kpwkm-atur-sesi-kaunseling-buat-keluarga-hawari</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-atur-sesi-kaunseling-untuk-keluarga-hawari-421649</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/05/914573/counseling-session-be-set-hawaris-family</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972072/kpwkm-atur-sesi-kaunseling-untuk-keluarga-hawari-metrotv</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/29/womens-ministry-to-set-up-counselling-session-for-hawaris-family</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=WA_eNvr1C6I</p> <p>Harian Metro</p>	<p>Utusan</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>NST</p> <p>Harian Metro</p> <p>The Star</p> <p>Harian Metro</p>

	<p>https://newsway.com/article/kpwkm-atur-sesi-kaunseling-buat-keluarga-hawari-A2305_QEGrDQ</p> <p>https://headtopics.com/my/kpwkm-atur-sesi-kaunseling-untuk-keluarga-muhammad-hawari-39562834</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/29/kpwkm-atur-sesi-kaunseling-keluarga-muhammad-hawari/</p> <p>https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2193392</p>	<p>Newsway</p> <p>Head Topics</p> <p>Kosmo</p> <p>Bernamea</p>
5	<p>Projek 2years Exit ; Berjaya Tingkat Taraf Pendapatan Golongan Sasar</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=01xxSSThxN8</p>	Berita RTM
6	<p>JKM Gagal Dapat Perintah Hak Jagaan Sementara Maisarah</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/29/jkm-gagal-dapat-perintah-hak-jagaan-sementara-maisarah/</p>	Malaysia Gazette
7	<p>Budak Hilang Ditemukan Dengan Kesan Cedera Di Muka, Kepala, Badan [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972125/budak-hilang-ditemukan-dengan-kesan-cedera-di-muka-kepala-badan-metrotv</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1107601/polis-tunggu-laporan-perubatan-kanak-kanak-hilang-ditemukan-selamat</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/05/29/kanak-kanak-perempuan-hilang-dijumpai-dalam-keadaan-lemah/</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/kanak-kanak-perempuan-hilang-dijumpai-dalam-keadaan-lemah-AD11039108</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260831/berita/semasa/kes-kanak-kanak-hilang-tiada-unsur-jenayah---polis</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/05/29/kanak-kanak-berusia-5-tahun-ditemui-lemah-selepas-17-jam-hilang/</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Harakah Daily</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Malaysia Post</p>

<p>8</p>	<p>Pembinaan Blok Wanita, Kanak-Kanak HTAA Dalam Masa Terdekat</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260840/edisi/pahang/pembinaan-blok-wanita-kanak-kanak-htaa-dalam-masa-terdekat</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/29/pembinaan-blok-wanita-dan-kanak-kanak-htaa-rm605-juta-bermula-jun/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=we0z4TDE7Q0</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/pembinaan-blok-wanita-kanak-kanak-htaa-mula-dalam-masa-terdekat/</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/blok-wanita-kanak-kanak-htaa-dijangka-dibina-bermula-jun/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/29/blok-wanita-dan-kanak-kanak-htaa-dijangka-siap-dalam-masa-terdekat/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Utusan</p> <p>Malaysia Gazette</p>
<p>9</p>	<p>Wanita Dibunuh Kerana Putuskan Pertunangan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260889/berita/semasa/wanita-dibunuh-kerana-putuskan-pertunangan</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/wanita-maut-dipercayai-ditikam-bekas-tunang/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/29/wanita-maut-ditikam-kekasih-di-pusat-membeli-belah-pelajar-mrsm-ditahan-polis-mgflash/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=gHloSOGI2RI</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/29/wanita-maut-ditikam-bekas-tunang/</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-ditikam-bekas-tunang-hingga-mati-di-pusat-beli-belah/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-dibunuh-kerana-putuskan-pertunangan-421710</p> <p>https://selangorkini.my/2023/05/wanita-maut-dipercayai-ditikam-bekas-tunang-dalam-pusat-beli-belah/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Buletin TV3</p> <p>FMT</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Astro Awani</p> <p>Selangor Kini</p>

10	<p>Wanita Warga Emas Mangsa Rompak Patah Gigi Diserang Penjenayah</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/05/29/wanita-warga-emas-mangsa-rompak-patah-gigi-diserang-penjenayah/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/29/tolak-warga-emas-hingga-patah-gigi-samun-rm2150/</p> <p>https://www.hotfm.audio/tolak-warga-emas-hingga-patah-gigi-samun-rm2150/</p>	<p>Kosmo</p> <p>FMT</p> <p>Hot FM</p>
11	<p>Wanita Ditahan Disyaki Tipu Skim Pelaburan</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/666863</p> <p>https://selangorkini.my/2023/05/wanita-warga-emas-ditahan-disyaki-tipu-skim-pelaburan/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/260835/berita/semasa/wanita-warga-emas-suspek-utama-skim-penipuan-pelaburan-diberkas</p> <p>https://harakahdaily.net/index.php/2023/05/29/warga-emas-ditahan-disyaki-tipu-skim-pelaburan/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/05/29/warga-emas-dalang-skim-penipuan-diberkas-polis/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/05/29/warga-emas-dalang-utama-penipuan-investment-hsbc-bank-diberkas/</p> <p>https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-warga-emas-ditahan-dalang-sindiket-pelaburan-tipu/</p> <p>https://suarasarawak.my/warga-emas-ditahan-terlibat-kes-penipuan-skim-pelaburan/</p> <p>https://www.edisi9.com.my/2023/05/warga-emas-dalang-skim-pelaburan-ditahan/</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Harakah Daily</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Warta Oriental</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Edisi 9</p>
12	<p>Kasih Ibu Tunggal OKU Jaga Tiga Anak Sakit</p>	

	https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kasih-ibu-tunggal-oku-jaga-tiga-anak-sakit/	Utusan
	https://malaysiapost.com.my/2023/05/29/ibu-tunggal-oku-tabah-jaga-anak-sakit-kronik/	Malaysia Post
13	OKU Ialah Orang Kuat Usaha, Bukan Orang Kurang Upaya https://www.sinarharian.com.my/article/260898/suara-sinar/pojok/oku-ialah-orang-kuat-usaha-bukan-orang-kurang-upaya	Sinar Harian
14	Laluan 'Tactile' Dihalang Itu Biasa – Pertis https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972102/laluan-tactile-dihalang-itu-biasa-pertis https://www.buletintv3.my/nasional/video-fasiliti-oku-sudah-tahu-atau-tidak-ambil-tahu/ https://www.youtube.com/watch?v=5WWl-05Aiqk https://www.therakyatpost.com/trpbm/viral/2023/05/29/video-lelaki-buta-penglihatan-gigih-alihkan-motor-yang-halang-laluan-pejalan-kaki-oku/	Harian Metro Buletin TV3 Buletin TV9 The Rakyat Post
15	Pemuda OKU Pekak, Bisu Cekal Kait Permaidani Motif Sarawak Tanpa Mesin https://tvstv.my/2023/05/30/pemuda-oku-pekak-bisu-cekal-kait-permaidani-motif-sarawak-tanpa-mesin/	TVSTV

GANGGUAN SEKSUAL, MAJIKAN DISARAN PASANG CCTV HD - AHMAD ZAHID

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64398-gangguan-seksual>

Sumber : Berita RTM



PUTRAJAYA, 29 Mei- Garis Panduan Pelaksanaan Program Advokasi Antigangguan Seksual (AAGS) dilancarkan ke arah penyediaan persekitaran kerja kondusif dan selamat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, ia merangkumi dua pelan iaitu program advokasi bagi pencegahan gangguan seksual dan program advokasi bagi kesedaran gangguan seksual.

Jelas beliau, pelaksanaannya perlu dipergiat khususnya di peringkat majikan termasuk pemasangan sistem kamera litar tertutup definisi tinggi (CCTV HD) yang boleh digunakan untuk pengecaman wajah, sekali gus sebagai bukti kukuh bagi sebarang pertuduhan yang dibuat.

"Gangguan seksual dilaporkan meningkat setiap tahun. Sebanyak 88% melibatkan mangsa wanita dan 12% mangsa lelaki.

"Pihak kementerian akan turun padang, bukan sahaja memberikan penjelasan tetapi mesti memperlihatkan keberhasilan kempen ini," katanya dalam sidang media selepas melancarkan Jerayawara Advokasi Antigangguan Seksual di sini.

Hadir sama, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy Shukri berharap program advokasi itu memfokus kepada penggunaan garis panduan berkaitan antigangguan seksual di organisasi kerajaan serta swasta bagi menyediakan persekitaran yang selamat bukan hanya untuk wanita tetapi juga lelaki.

Beliau berkata, kementeriannya melalui Jabatan Pembangunan Wanita akan melaksanakan program itu di premis awam dan tempat kerja di peringkat komuniti sepanjang 2023 di seluruh negara



(Ahmad Zahid Hamidi (kanan) dan Nancy Shukri (kiri) melancarkan Jerayawara Advokasi Antigangguan Seksual di Putrajaya)

MINISTRY FINALISING ANTI-SEXUAL HARASSMENT TRIBUNAL, TARGETS SET UP BEFORE YEAR END, SAYS NANCY SHUKRI

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/05/29/ministry-finalising-anti-sexual-harassment-tribunal-targets-set-up-before-year-end-says-nancy-shukri/71523>

Sumber : Malay Mail



PUTRAJAYA, May 29 — The Women, Family and Community Development Ministry (KPWKM) is finalising the anti-sexual harassment tribunal, its minister Datuk Seri Nancy Shukri said.

The ministry is still in the process of appointing tribunal members and locating a premises for the tribunal to conduct proceedings.

“We are still in the process of appointing tribunal members, and for us to get it set up before the end of the year, we are looking for a physical location where the tribunal’s proceedings can be carried out.

“At the same time, we need to get higher authorities’ approval of the tribunal members. That is as far as we have gone as we already received allocation only for the premises,” Nancy told reporters during a press conference after the launch of the Anti-Sexual Harassment advocacy programme roadshow today here.

In February, women advocacy groups urged the ministry to establish the tribunal for anti-sexual harassment and appoint panel members quickly.

Among others, All Women’s Action Society (Awam) reportedly said the tribunal should follow the Anti-Sexual Harassment Act gazetted last October.

The tribunal is provided for under the Anti-Sexual Harassment Act, as an avenue for victims to file sexual harassment claims.

GOLONGAN WANITA DIGALAK JALANI UJIAN MAMOGRAM, HPV DNA PERCUMA

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/golongan-wanita-digalak-jalani-ujian-mamogram-hpv-dna-percuma/>

Sumber : Utusan



KEPALA BATAS: Golongan wanita digalakkan menjalani ujian pengesanan awal kanser payudara menerusi ujian mamogram dan kanser pangkal rahim melalui ujian HPV DNA percuma sehingga hujung tahun ini.

Program subsidi kedua-dua ujian yang disalurkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Malaysia (LPPKN) itu bertujuan memastikan pemeriksaan awal dapat dijalankan dengan segera.

Timbalan Menterinya, Aiman Athirah Sabu berkata, pihaknya sentiasa berusaha mengurangkan statistik wanita terpicir daripada mendapatkan kedua-dua ujian pengesanan terbabit.

“Kita amat berharap golongan wanita terutamanya yang berusia 40 tahun ke atas tidak melepaskan peluang untuk menjalani pemeriksaan percuma ini.

“Bantuan ini adalah salah satu cara kita membantu kaum wanita supaya mereka lebih cepat tahu dan cepat bertindak sekiranya dikesan menghidap penyakit ini.

“Jangan dah sampai ke tahap empat baru tahu, nanti lebih susah untuk dirawat dan perbelanjaan perubatan juga akan lebih tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kesejahteraan Wanita dan sambutan Hari Ibu 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang di Pusat Keluarga LPPKN Bertam, di sini hari ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) LPPKN, Hairil Fadzly Md. Akir berkata, Data Laporan Kanser Kebangsaan 2012-2016 merekodkan peratus kes yang dikesan pada tahap lewat iaitu tahap tiga dan empat menunjukkan peningkatan.

“Kita dapati peningkatan sebanyak 47.9 peratus berbanding 43.2 peratus daripada Laporan Kanser Kebangsaan 2007-2011.

“Trend ini sangat membimbangkan dan jika tiada langkah-langkah diambil untuk menggalakkan lebih ramai wanita terutama yang berisiko tinggi menjalani ujian saringan ini, dikhuatiri kadar kematian akibat kanser payudara akan meningkat,” katanya. – UTUSAN

KPWKM ATUR SESI KAUNSELING UNTUK KELUARGA MUHAMMAD HAWARI

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kpwkm-atur-sesi-kaunseling-untuk-keluarga-muhammad-hawari/>

Sumber : Utusan



KEPALA BATAS: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan mengatur sesi kaunseling kepada ahli keluarga pendaki Malaysia Everest 2023 (ME2023) orang kurang upaya (OKU) pendengaran, Muhammad Hawari Hashim, 33, yang dilaporkan hilang selepas berjaya menawan puncak tertinggi dunia itu 10 hari lalu.

Timbalan Menterinya, Aiman Athirah Sabu berkata, bantuan berhubung khidmat kaunseling itu sudah dibincangkan di peringkat kementerian.

“Kita ambil maklum keluarga Muhammad Hawari tinggal di Kepala Batas dan memiliki isteri serta sepasang anak yang juga OKU pendengaran.

“Kita akan bantu dari sudut kaunseling kerana keluarga ini sedang melalui saat mendukakan.

“Justeru, kita kena beri sistem sokongan yang kuat kepada keluarga ini tatkala mengharungi masa sukar,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kesejahteraan Wanita dan sambutan Hari Ibu 2023 Peringkat Negeri Pulau Pinang di Pusat Keluarga LPPKN Bertam, di sini hari ini.

Hari ini, media melaporkan misi mencari dan menyelamatkan Muhammad Hawari akan diteruskan selepas mendapat ihsan daripada pihak berkuasa Nepal yang mengendalikan aktiviti mendaki ke puncak tertinggi dunia itu.

Ketua Misi ME 2023 (ME 2023) yang juga Presiden Kelab Eksplorasi Altitude Malaysia, Azim Afif Ishak, 33, berkata, pihak berkuasa Nepal menutup aktiviti mendaki ke puncak Everest bermula hari ini, namun dengan bantuan Kedutaan Malaysia di Nepal pihaknya telah mendapat ihsan selama lima hari bagi meneruskan misi SAR Muhammad Hawari.

Misi SAR itu dijangka bermula esok dan bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa kastam negara itu yang masih belum memberi pelepasan kepada satu dron yang dihantar melalui kargo dari Malaysia pada Sabtu lalu. – UTUSAN

PROJEK 2YEARS EXIT ; BERJAYA TINGKAT TARAF PENDAPATAN GOLONGAN SASAR

<https://www.youtube.com/watch?v=01xxSSThxN8>

Sumber : Berita RTM



BERITA RTM

BERITA WILAYAH MA PERDANA MENTERI, PADA RABU, 31 MEI 2023, PUKUL 4.00 PETANG, BERTEMPAT

29 MEI 2023 - BERITA WILAYAH - PROJEK 2YEARS EXIT ; BERJAYA TINGKAT TARAF PENDAPATAN GOLONGAN SASAR

Berita RTM 729K subscribers

12 Share Save

JKM GAGAL DAPAT PERINTAH HAK JAGAAN SEMENTARA MAISARAH

<https://malysiagazette.com/2023/05/29/jkm-gagal-dapat-perintah-hak-jagaan-mentara-maisarah/>

Sumber : Malaysia Gazette



KUANTAN – Mahkamah Majistret Pekan hari ini menolak permohonan perintah hak penjagaan sementara oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada kanak-kanak perempuan Orang Asli berusia sembilan tahun.

Permohonan hak penjagaan kepada Angelina Marion Rose A/P Roslan atau nama Islamnya, Nur Maisarah Abdullah ditolak berikutan pihak JKM tidak mematuhi kriteria Seksyen 17 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Maisarah hadir ke mahkamah memakai baju kurung bercorak hijau emerald kelihatan tenang dibawa masuk sambil diiringi pegawai pelindungnya pada pukul 2.40 petang tadi.

Prosiding pendaftaran dilakukan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Pekan kemudian mangsa dilaporkan hadir ke kamar bicara dan proses perbicaraan selama satu jam 35 minit dilakukan secara tertutup.

Majistret, Wahida Zainal Abidin kemudian memerintahkan kanak-kanak itu kembali ke pangkuan ayah kandungnya, Roslan Mohd setelah habis bersidang pukul 4.51 petang.

Roslan ketika ditemui melahirkan rasa bersyukur apabila keputusan mahkamah berpihak kepadanya.

Hadir ketika prosiding berkenaan ialah Yang Beradat Tok Batin Zaini A/L Sati, ibu tirinya Sarina Hitam, ibu saudaranya, Mahani Mohd dan sepupu ayahnya, Zainab Bedik.

Semalam pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Rompin mengambil keterangan mangsa selepas satu laporan berkaitan penderaan dan pengabaian pada 28 Mei lalu yang dibuat oleh ibu mangsa.

Peguambela, S. Kumaraselvam berkata, pihaknya berpuas hati kerana mahkamah mempertimbangkan semua fakta dan undang-undang.

Dalam perkembangan sama di Mahkamah Tinggi Kuantan hari ini memerintahkan pihak JKM menyiapkan surat tunjuk sebab pada 1 Jun ini berikutan mengambil kanak-kanak itu di bawah jagaan ayahnya setelah diberikan perintah habeas corpus.

“Pihak JKM perlu tunjuk sebab pada 1 Jun nanti kenapa kanak-kanak diambil walaupun setelah perintah mahkamah. Anak guam berpuas hati dengan keputusan mahkamah dan tunggu pada Khamis ini,” katanya.

Terdahulu tular video kanak-kanak berkenaan menerusi video berdurasi satu minit 31 saat yang tular bersama ibunya yang berpurdah sambil diperhatikan oleh pegawai polis wanita selepas selesai prosiding mahkamah berkaitan hak jagaan pada Khamis lalu.

Ia susulan Mahkamah Tinggi Kuantan yang telah memerintahkan kanak-kanak terbabit diserahkan kepada bapanya menerusi perintah habeas corpus pada 25 Mei lalu. –

BUDAK HILANG DITEMUKAN DENGAN KESAN CEDERA DI MUKA, KEPALA, BADAN [METROTV]

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972125/budak-hilang-ditemukan-dengan-kesan-cedera-di-muka-kepala-badan-metrotv>

Sumber : Harian Metro

Georgetown: Seorang kanak-kanak perempuan berusia lima tahun yang dilaporkan hilang selepas keluar dari rumahnya di Taman Kuala Muda Penaga di sini, Jumaat lalu ditemukan dalam keadaan mengalami kecederaan muka, kepala dan badan kelmarin.

Ketua Polis Pulau Pinang Datuk Khaw Kok Chin berkata, gerakan mencari kanak-kanak berkenaan dilakukan selepas laporan kehilangannya dibuat pada jam 2 pagi Sabtu lalu.

Katanya, kanak-kanak berkenaan kemudian ditemukan pada jam 6 petang Sabtu iaitu kira-kira dua meter dari tempat dia dilaporkan hilang.

"Kanak-kanak berkenaan kemudian dihantar ke Hospital Kepala Batas bagi rawatan dan pemeriksaan lanjut.

"Laporan awal perubatan mendapati kanak-kanak itu mengalami patah rahang, cedera di dagu dan belakang kepala, lebam di dada dan belakang badan serta patah dua batang gigi bagaimanapun, punca kecederaan belum diketahui," katanya ketika sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, di sini, hari ini.

Menurut Kok Chin, sehubungan itu siasatan kes penemuan kanak-kanak terbabit akan diklasifikasikan selepas menerima laporan perubatan daripada doktor.

"Keadaan kanak-kanak itu masih lemah dan trauma jadi kita perlu ambil masa dan tidak boleh didesak.

"Daripada segi luaran memang kanak-kanak itu mengalami cedera tetapi kita dapati tidak ada unsur jenayah. Namun jika selepas ini kita dapati ada unsur jenayah, kita akan buka siasatan," katanya.

Katanya, siasatan lanjut masih diteruskan dan perkembangan kanak-kanak berkenaan dipantau dari semasa ke semasa.

"Polis meminta orang awam yang mempunyai maklumat supaya tampil bagi membantu siasatan," katanya.



KHAW Kok Chin memberi kenyataan media mengenai kanak-kanak hilang pada sidang media di Ibu Pejabat Kontinjen Pulau Pinang. FOTO Mikail Ong

PEMBINAAN BLOK WANITA, KANAK-KANAK HTAA DALAM MASA TERDEKAT

<https://www.sinarharian.com.my/article/260840/edisi/pahang/pembinaan-blok-wanita-kanak-kanak-htaa-dalam-masa-terdekat>

Sumber : Sinar Harian



KUANTAN - Projek pembinaan blok wanita dan kanak-kanak di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) di sini akan dimulakan dalam masa terdekat.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) kini dalam peringkat akhir bagi melantik kontraktor utama yang dijangka diselesaikan sebelum penghujung Jun ini.

Menurutnya, projek dengan kos RM605 juta itu melibatkan pertambahan 376 katil dan beberapa kemudahan utama seperti Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU), Unit Rawatan Rapi Neonatal (NICU), Unit Rawatan Rapi (ICU), Wad Pergantungan Tinggi (HDW), klinik pakar, dewan bedah, Pusat Bekalan Steril (CSSD) dan pelbagai kemudahan sokongan lain.

"Apabila siap kelak, kemudahan ini bakal memberi manfaat kepada kira-kira 564,000 penduduk daerah Kuantan.

"Selain itu, kerajaan juga telah meluluskan peruntukan berjumlah RM784,000 kepada HTAA untuk melaksanakan pembaikan kecil dan pembelian peralatan (bukan perubatan)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke HTAA sempena lawatan kerja ke Pahang pada Isnin.

Turut hadir, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang, Datuk Mohammad Fakhruddin Mohd Ariff dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Pahang (JKNP), Datuk Indera Dr Nor Azimi Yunus.

Dr Zaliha berkata, kerajaan turut memperuntukkan RM1.12 bilion bagi tujuan baik pulih dan menaik taraf kemudahan kesihatan di negeri ini.

"Ia termasuk membaiki dan menaik taraf klinik daif, peralatan perubatan dan pembaikan bangunan," jelasnya.

Sementara itu, beliau berkata, kerja awal untuk projek pembinaan Hospital Maran telah dimulakan termasuk mengenal pasti kesesuaian tapak baharu yang dicadangkan.

Menurutnya, lawatan ke tapak baharu telah dilakukan pihak JKNP bersama wakil Kementerian Kesihatan (KKM) dan Jabatan Teknikal pada 23 Mei lalu.

"JKNP selanjutnya akan mendapat laporan penilaian tapak daripada pihak JKR selain mendapatkan surat pengesahan status tapak dari Pejabat Tanah dan Daerah Maran," ujarnya.

Tambah beliau, pembinaan hospital baharu di negeri akan diteliti berdasarkan keperluan memandangkan pihaknya mendapat permohonan terutama melalui ahli Parlimen untuk kemudahan tersebut.

"Perkara ini perlu diteliti berdasarkan keperluan kerana kita ada sistem hospital kluster yang boleh menawarkan khidmat kesihatan untuk hospital lain," katanya.

WANITA DIBUNUH KERANA PUTUSKAN PERTUNANGAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/260889/berita/semasa/wanita-dibunuh-kerana-putuskan-pertunangan>

Sumber : Sinar Harian



KOTA KINABALU - Cemburu dan tidak berpuas hati pertunangan diputuskan menyebabkan seorang wanita ditikam sebanyak lapan kali oleh bekas tunangnya dalam kejadian di sebuah pusat beli belah di sini pada Isnin.

Mangsa berusia 22 tahun yang bekerja sebagai pembantu kedai di pusat beli belah itu dilaporkan maut dalam kejadian yang berlaku kira-kira jam 12 tengah hari.

Pemangku Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Superintendan Kalsom Idris berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu daripada seorang lelaki yang menyatakan telah tertikam bekas tunangnya.

Katanya, susulan daripada panggilan itu sepasukan anggota polis bergegas ke lokasi kejadian dan mendapati seorang wanita dalam keadaan terbaring serta berlumuran darah dipercayai akibat ditikam.

"Turut berada di lokasi ialah seorang suspek yang merupakan bekas tunang mangsa yang telah ditahan oleh pihak pengawal keselamatan sebelum diserahkan kepada polis.

"Hasil siasatan mendapati punca kejadian disebabkan cemburu dan suspek tidak puas hati kerana mangsa memutuskan hubungan mereka dua hari sebelum kejadian.

"Oleh itu, suspek cuba memujuk mangsa di tempat kerjanya, namun mangsa enggan meneruskan hubungan mereka atas sebab peribadi," katanya dalam kenyataan pada tengah malam Selasa.

Katanya lagi, berang dengan keputusan mangsa menyebabkan suspek bertindak menikam mangsa.

"Suspek menikam sebanyak lapan kali pada bahagian tubuh mangsa sehingga menyebabkan kematian.

"Pihak paramedik yang berada di lokasi kejadian cuba menyelamatkan mangsa dengan memberikan bantuan pernafasan (CPR) tetapi mangsa gagal diselamatkan dan disahkan meninggal dunia pada jam 1 petang sebelum dihantar ke unit forensik Hospital Queen Elizabeth I (HQEI) untuk dibedah siasat.

"Suspek pula ditahan reman untuk membantu siasatan dan pisau yang digunakannya turut dirampas," katanya.

Kalsom berkata, kes yang disiasat di bawah 302 Kanun Keseksaan itu dianggap telah selesai selepas suspek berjaya ditangkap.

WANITA WARGA EMAS MANGSA ROMPAK PATAH GIGI DISERANG PENJENAYAH

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/29/wanita-warga-emas-mangsa-rompak-patah-gigi-diserang-penjenayah/>

Sumber : Kosmo



BESUT – Seorang lelaki dipercayai penagih dadah ditahan polis hari ini bagi membantu siasatan kes rompakan melibatkan seorang wanita warga emas yang mengalami masalah penglihatan dan pendengaran di daerah ini semalam.

Ketua Polis Daerah Besut, Superintendan Abdul Rozak Muhammad berkata, suspek berusia 30-an disyaki telah melarikan wang tunai milik mangsa berjumlah kira-kira RM2,150.

“Polis menerima aduan tentang rumah seorang wanita berusia 68 tahun telah dipecah masuk suspek.

“Dia yang tinggal seorang diri mendakwa gigi nya patah dan tangan kanan terseliuh akibat dikasari lelaki terbabit,” katanya di sini hari ini.

Abdul Rozak berkata, mangsa mendakwa telah didatangi suspek daripada belakang sebelum mulutnya ditutup dan badannya ditolak.

Tambah beliau, siasatan awal tidak menolak kemungkinan lelaki terbabit memasuki rumah mangsa dari pintu hadapan yang tidak berkunci.

“Serbuan di rumah suspek menemui wang tunai RM500 dan beberapa butir pil berwarna merah dipercayai dadah.

“Ujian urin mendapati dia positif dadah jenis methamphetamine selain memiliki beberapa rekod lampau berkaitan dadah,” katanya.

Abdul Rozak berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 394 Kanun Keseksaan. – KOSMO! ONLINE

WANITA DITAHAN DISYAKI TIPU SKIM PELABURAN

<https://www.malaysiakini.com/news/666863>

Sumber : Malaysia Kini



Polis Diraja Malaysia (PDRM) menahan seorang wanita kerana disyaki terlibat dalam penipuan skim pelaburan yang menggunakan nama sebuah bank antarabangsa, pada 25 Mei lepas.

Setiausaha PDRM Datuk Noorsiah Saaduddin berkata suspek yang merupakan warga emas berusia 60 tahun berkenaan merupakan suspek utama bagi kes ini.

Beliau berkata PDRM juga menerima dua laporan polis berhubung kes ini.

“Berdasarkan siasatan, skim pelaburan ini mula beroperasi sejak awal tahun 2023 dan menawarkan pulangan sebanyak 30 peratus hingga 70 peratus daripada modal pelaburan yang dikeluarkan.

Setiausaha PDRM Datuk Noorsiah Saaduddin.

Skim pelaburan ini turut menawarkan slot-slot saham yang menjanjikan keuntungan sehingga 100 peratus dalam tempoh 72 jam,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Noorsiah berkata walau bagaimanapun, setelah mangsa membuat pindahan wang, keuntungan yang dijanjikan tidak dibayar.

Menurutnya, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana tipu manakala suspek direman selama lima hari bermula 26 Mei hingga esok di bawah Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah.

“Hasil semakan mendapati suspek juga mempunyai rekod lampau berkait dua kes penipuan pelaburan berkaitan penjualan minyak diesel.

Orang ramai yang mungkin menjadi mangsa skim pelaburan ini diminta tampil segera membuat laporan polis di mana-mana balai polis berhampiran,” katanya.

Beliau berkata PDRM menasihatkan orang ramai agar sentiasa berwaspada dan sentiasa membuat semakan secara terperinci sebelum menyertai mana-mana skim pelaburan yang menjanjikan keuntungan lumayan.

“Orang ramai juga diminta mendapatkan maklumat lanjut daripada sumber-sumber rasmi seperti portal semak mule, ‘alert list’ Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti sebelum membuat keputusan untuk menyertai skim pelaburan yang meragukan,” katanya.

KASIH IBU TUNGGAL OKU JAGA TIGA ANAK SAKIT

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/05/kasih-ibu-tunggal-oku-jaga-tiga-anak-sakit/>

Sumber : Utusan



KUANTAN: Bukan sahaja kedua-dua belah kakinya dipotong sehingga paras betis akibat penyakit [kencing manis](#) sejak tujuh tahun lalu, seorang ibu tunggal berdepan dugaan cukup besar apabila perlu menjaga tiga anaknya yang mengidap penyakit kronik.

Berbekalkan wang pencen arwah suaminya, Mohd. Shamsuri Abdullah RM1,200 sebulan, segala perbelanjaan perubatan dan kehidupan harian tergalas di bahu wanita orang kurang upaya (OKU) tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Zarina Mohd. Ali, 59, berkata, pada mulanya hanya kaki kirinya yang terpaksa dipotong sehingga ke paras lutut pada 2016, namun akibat masalah kesihatan dialaminya, kaki kanannya juga pula dipotong pada 2020.

Katanya, selepas itu, anak keduanya, Khairun Nabilah, 29, disahkan menghidap kegagalan buah pinggang sekitar 2011 ketika berusia 17 tahun dan perlu menjalani proses dialisis selama tiga hari seminggu.

“Nabilah perlu pergi dan balik ke pusat dialisis dengan perbelanjaan sendiri, disebabkan tidak boleh memandu sekurang-kurangnya dia memerlukan RM500 untuk tambangnya berulang-alik.

“Dulu makcik ada pelindung (suami), makcik tak rasa tekanan yang melampau macam ni sangat. Apa-apa kami berdua, ayahnya yang banyak membantu menghantar dan mengambil Nabilah membuat rawatan. Sejak dia tiada, semua makcik kena hadap seorang.

“Jadinya... makcik beginilah, sudah jatuh ditimpa tangga. Daripada arwah suami makcik meninggal dunia pada 2017, lepas satu, satu dugaan datang,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Perkampungan Sungai Isap Perdana di sini semalam.

Bercerita lanjut kepayahannya, Zarina memberitahu, selepas beberapa tahun, dia diuji lagi apabila anak bongsu, Khairun Nisha, 22, juga didiagnos masalah kegagalan buah pinggang dua tahun lalu dan perlu menjalani Dialisis Peritoneal Ambulatori Berterusan (CAPD).

“Pada awalnya Nisha disahkan badannya dipenuhi toksin dan kurang darah (anemia). Tapi, lepas tu doktor beritahu dia ada sakit buah pinggang juga, tapi kena jalani CAPD di rumah.

“Siapa tak kesian melihat dan mendengar anak sendiri mengadu sakit seluruh badan. Kalau boleh, makcik nak biarkan sakit itu dipindahkan kepada makcik,” katanya.

Menurutnya, pada 25 Mei lalu, anak bongsu itu menghembuskan nafas terakhirnya dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Setali di sini.

Dalam pada itu, lebih meruntun jiwa, Zarina berkata, anak sulungnya yang menjadi tulang belakang keluarganya, Mohd. Amir Haziq, 30 pula disahkan terkena jangkitan kulit Selulitis.

Jelasnya, penyakit itu mengakibatkan anaknya tidak boleh bergerak bebas dan hanya terlantar di rumah sejak November tahun lalu.

“Sejak menderita penyakit itu, Amir tidak mampu lagi untuk bekerja dan kini berada di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) kerana menerima rawatan. Saudara terdekat ada datang melawat, memang mereka cakap makcik kuat dengan dugaan ni. Hakikatnya tiada siapa tahu makcik menangis sendirian.

“Makcik sering mencari kekuatan jiwa untuk berdepan semua dugaan ini. Adakalanya kita ambil pendekatan jika kita susah, ada lagi orang lebih susah daripada kita,” katanya.

Sementara itu, tambah Zarina, kini dia tidak mampu lagi untuk bekerja seperti sebelum ini untuk menampung perbelanjaan perubatan dan kehidupan mereka sekeluarga.

“Kalau makcik sihat, ada kaki, makcik boleh gagahkan diri lagi. Dulu, masa kaki kiri kena potong pun boleh buat kuih muruku untuk dijual. Tapi makcik reda, kalau ini takdir-Nya, makcik terima. Sebab dulu makcik selalu tonton rancangan realiti ‘Bersamamu’. Makcik tengok ada orang lagi susah daripada makcik,” katanya.

Orang ramai yang ingin memberikan sumbangan kepada Zarina dan keluarga, boleh berbuat demikian menerusi akaun Bank Simpanan Nasional (Zarina Mohd. Ali) bernombor 0610029000557768.-[UTUSAN](#)

OKU IALAH ORANG KUAT USAHA, BUKAN ORANG KURANG UPAYA

<https://www.sinarharian.com.my/article/260898/suara-sinar/pojok/oku-ialah-orang-kuat-usaha-bukan-orang-kurang-upaya>

Sumber : Sinar Harian



PADA petang minggu lalu, Merak Jalanan pergi mengurut kaki dengan seorang cacat penglihatan.

Kami larut bersebang itu ini. Katanya, dunia ini kadangkala tak adil. Dilahirkan tanpa boleh melihat sejak kecil, menjadikan dirinya dan rakan yang senasib diperkecilkan oleh manusia sempurna.

“Bila mereka tahu kami OKU (orang kurang upaya), kenderaan e-hailing reject kami. Nak naik bas, banyak bas tak berhenti. Naik teksi pula kena caj berlebihan, dia pusing lama entah ke mana, sedangkan tempat kami nak pergi itu, hanya lima hingga 10 minit,” ceritanya.

Tentang kemudahan awam, wanita itu menggelengkan kepalanya. Ya, kumpulan OKU adalah minoriti, namun bukan tiket untuk meminggirkan mereka.

Tak mahu mengemis meminta simpati, mahu berusaha untuk berniaga, malangnya permohonan diperam.

Apa lagi perlu dibuat, soal wanita itu lagi? Beritahu beliau, golongan OKU rata-ratanya tidak malas, tapi jemu dengan diskriminasi tidak berkesudahan.

Setiap butir aksara yang penuh emosi itu membuatkan Merak Jalanan terkenang kembali beberapa negara yang pernah dilawati sebelum ini.

Antaranya seperti di Amerika Syarikat, Taiwan, Korea, Jepun, Singapura, Dubai termasuk Qatar yang memberi segenap infrastruktur lengkap kepada OKU.

Paling terbaik bagi Merak Jalanan adalah bagaimana republik Taiwan menyiapkan teknologi khas memudahkan penduduk OKU menaiki bas. Pemerintah di sana menganggap hak golongan OKU sama dengan manusia normal.


Merak Jalanan tak pasti adakah 'adaptasi' layanan mesra OKU yang dilaksanakan di negara luar boleh diimplementasikan di Malaysia?

Merak Jalanan pulang dengan hati yang berbolak-balik. Kata-katanya yang berbunyi: “kami OKU bukan bermakna kami orang kurang upaya, tetapi kami orang kuat usaha” terus melekat dalam minda sehingga saat ini.

LALUAN 'TACTILE' DIHALANG ITU BIASA – PERTIS

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/972102/laluan-tactile-dihalang-itu-biasa-pertis>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Hak golongan orang kurang upaya (OKU) yang termaktub dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 658) perlu dikuatkuasakan secara tuntas dalam menjamin hak komuniti itu termasuk menggunakan kemudahan sedia ada.

Yang Dipertua Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (Pertis), Mohammad Faizal Che Yusof berkata, kesedaran awam mengenai kemudahan komuniti itu seperti laluan 'tactile' masih kurang, malah ada yang tidak mengetahui fungsinya.

"Perkara yang berlaku (tular motosikal menghalang laluan tactile) itu biasa. Sepatutnya di tempat awam bebas daripada segala halangan terutama di lokasi yang disediakan tactile untuk OKU penglihatan.

"Di Malaysia kita ada undang-undang khusus untuk OKU yang mana Akta 685 ini antara lainya menjamin kebolehcapaian iaitu infrastruktur yang boleh digunakan oleh OKU. Jadi tactile selari dengan undang-undang sedia ada.

"Kita berharap kaedah penguatkuasaan di pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat (dipertingkatkan lagi) pelaksanaannya, selain pentingnya kesedaran masyarakat itu sendiri," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Mohammad Faizal berkata, pihaknya juga sering mendapat keluhan daripada komuniti OKU penglihatan mengenai masalah seumpama itu dan mengakui jika orang awam cakna dengan fungsi laluan itu.

"Pastinya kita kesal dengan tindakan seumpama itu kerana menghalang laluan OKU dan dalam masa sama kita juga faham mungkin ada yang tidak tahu fungsi laluan itu disebabkan tiada kesedaran mengenainya.

"Sebab itu ia memerlukan proses pendidikan dan Pertis juga mengadakan kerjasama berterusan dengan pihak berkuasa, program bersama masyarakat dalam usaha untuk memastikan keadaan yang kondusif kepada oku dan sejahtera kepada masyarakat.

"Kita juga berharap pendedahan mengenai laluan ini dapat terus disebarkan secara luas dengan bantuan semua pihak," katanya.

Sementara itu, jurucakap Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berkata, tindakan boleh diambil terhadap motosikal yang menghalang di semua laluan pejalan kaki yang mempunyai laluan tactile atau penanda untuk OKU penglihatan.

Tindakan itu boleh diambil mengikut Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 dan Akta Pengangkutan Jalan 1987 serta kenderaan yang ditunda atau disita akan dialihkan ke Depoh Simpanan Tunda Kenderaan DBKL Jalan Pahang untuk penyimpanan sementara.

Harian Metro hari ini [melaporkan](#), lelaki OKU penglihatan terpaksa mengalihkan motosikal yang menghalang laluan 'tactile' untuk komuniti itu di sebuah stesen perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) memberi kesedaran kepada orang ramai yang tidak mengetahui fungsinya sebelum ini.

PEMUDA OKU PEKAK, BISU CEKAL KAIT PERMAIDANI MOTIF SARAWAK TANPA MESIN

<https://tvstv.my/2023/05/30/pemuda-oku-pekak-bisu-cekal-kait-permaidani-motif-sarawak-tanpa-mesin/>

Sumber : TVSTV



KUCHING, 30 Mei: Hendak seribu daya, kekurangan yang dimiliki Asyhafiq Bujang, 34, bukan penghalang buat dirinya untuk mengait permaidani dengan motif Sarawak tanpa menggunakan mesin.

Pemuda Orang Kurang Upaya (OKU) pekak dan bisu itu, malah sanggup berjaga malam sehingga terlupa untuk mengisi perut bagi menyiapkan tempahan permaidani yang diterima.

Asyhafiq mula berjinak dengan seni mengait moden atau ‘tufting’ setelah mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) pada 2014 dan mendapat galakan daripada gurunya untuk berkecimpung dalam perusahaan kraftangan itu.

Menurut ibunya, Melati Julin, 58, pada awalnya Asyhafiq belajar mengait permaidani dengan corak kartun pilihannya seperti Garfield dan rama-rama hanya menggunakan jarum pengait sahaja.



Pemuda OKU pekak dan bisu, Asyhafiq Bujang, 34 bersama ibunya, Melati Julin, 58, membuka reruai kraftangan permaidani bermotif etnik Sarawak pada Sambutan Minggu Perpaduan 2023 di Waterfront Kuching. Foto: Ahmad Nasrullah (TVS)

Kemudian, bagi membolehkan kraf anaknya itu menjadi salah satu produk pelancongan yang memiliki identiti masyarakat Bumi Kenyalang, Melati telah memperkenalkan motif etnik negeri kepada Asyhafiq.

Antaranya ialah motif Pua Kumbu, Kerawit serta aso dan naga.

“Dia meniru corak daripada buku yang saya beli dan cuba melukisnya di atas surat khabar. Perlahan dia mengait di atas jaring permaidani dan kini gemar dengan motif etnik.

“Lama kelamaan ada yang berminat dengan permaidani yang dikaitnya. Saya turut mempromosi produk kraf anak saya ke Facebook dan tidak sangka ramai yang mahu membuat tempahan,” katanya ketika ditemui TVS.

Tambah Melati, Asyhafiq juga sering diberi peluang untuk membuka reruai di pelbagai program pelancongan negeri dan berjaya menarik perhatian pelancong dari luar negara seperti Korea Selatan dan Filipina.

Kraftangannya itu turut menjadi pilihan agensi dan badan kerajaan untuk dihadihkan sebagai cenderahati kepada orang-orang kenamaan.

Melati yang merupakan pesara jururawat berkata, dia tidak menyangka anaknya yang serba kekurangan itu mampu sampai ke tahap itu dan gembira kerana tidak pernah lelah memberikan sokongan kepada Asyhafiq.

“Dulu kalau nak gunting benang pun dia sanggup tunggu saya balik dari kerja. Sampai sahaja di rumah, dia terus menyua benang dan gunting untuk dipotong kerana ingin menyiapkan tempahan secepat mungkin. Sekarang dia dah boleh berdikari, saya juga sudah bersara jadi ada banyak masa untuk membantu,” katanya.

Oleh itu, Melati menasihati agar para ibu bapa yang memiliki anak kurang upaya untuk terus memberi sokongan kepada mereka dan tidak memandang rendah terhadap kemampuan anak-anak.

Dia turut memberi galakan kepada ibu bapa untuk mendapatkan bantuan daripada jabatan dan agensi kerajaan untuk membantu anak-anak dari segi kewangan.

Asyhafiq merupakan seorang penerima bantuan kewangan Geran Pelancaran One Off Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM5,000 bagi memulakan perusahaannya krafnya. – TVS